PM adakan pertemuan dengan ahli panel IAP

UM - 20/5/2007

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 19 Mei – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengakhiri mesyuarat tiga hari Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) ke-10 dengan mengadakan pertemuan empat mata dengan tujuh ahli panel di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini.

Perdana Menteri meluangkan masa selama kira-kira 30 hingga 45 minit mengadakan perbincangan dengan setiap ahli panel tersebut.

Mereka ialah Presiden IDTrack, Robert Madge; Presiden dan Ketua Penyelidik dan Pengarah Sains Sun Microsystems Inc, Dr. John Gage; Pengerusi dan Ketua Pegawai Operasi Jazz Technologies, Dr. Gilbert F. Amelio dan Prinsipal Cutler & Co Pty Ltd, Dr. Terry Cutler.

Ahli panel lain ialah Pengurus Besar Eksekutif Saluran Kanak-kanak Al-Jazeera, Mahmoud Bouneb; Pengerusi dan Pengasas BBWorld Consulting Services, Dr. Robert R. Bishop dan Ketua Pegawai Maklumat Dell Inc., Susan Shesky.

Turut berada di PICC ketika perbincangan diadakan ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

Mesyuarat yang diadakan sejak 17 Mei lalu bertemakan 'Membawa MSC Malaysia ke Peringkat Global: Membangunkan Prasarana Pengetahuan dan Menjana Bakat' dihadiri oleh 28 ahli yang kebanyakannya merupakan pemimpin global dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Ia diadakan dengan memberikan tumpuan kepada usaha bagaimana menjadikan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan terus berdaya saing dan dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Ini juga selaras dengan matlamat kerajaan supaya MSC yang diilhamkan pada 1997 dapat membangunkan industri ICT hingga ke peringkat global.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA